

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98

FEBRUARI 1998

RPK 233 Kaedah Analisis Perancangan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Berikan huraian yang ringkas dan padat mengenai tajuk-tajuk berikut:
 - (a) Kebaikan dan kelemahan analisis kos faedah.

(10 markah)
 - (b) Perbezaan di antara kaedah Goals-Achievement Matrix dengan Planning Balance Sheet.

(10 markah)
 - (c) Tren migrasi dalam unjuran penduduk.

(5 markah)
 - (d) Data dan maklumat yang diperlukan untuk merancang keperluan kesihatan di sebuah bandar.

(5 markah)

(30 markah)

2. **Jadual 1** menunjukkan kos dan faedah yang berkaitan dengan 7 cadangan alternatif pembinaan taman rekreasi di wilayah XYZ. Andaikan tiada masalah pembiayaan dan lain-lain input pembinaan.

...2/-

- 2 -

JADUAL 1

Cadangan Taman Rekreasi	Kos Pengambilan Tanah ('000)	Kos Pembinaan ('000)	Faedah dari Penjimatan Kos Tenaga ('000)	Faedah dari Penjimatan Kos Senggaraan ('000)
1	20	100	130	70
2	120	100	250	150
3	70	100	150	110
4	40	100	140	80
5	80	100	185	175
6	60	100	170	130
7	30	100	140	70

Jawab soalan berikut berdasarkan kepada **Jadual 1**.

- (a) Pilih **SATU** cadangan alternatif yang terbaik untuk pembinaan taman rekreasi wilayah. Berikan alasan anda atas pemilihan itu.

(5 markah)

- (b) Andaikan wilayah XYZ mempunyai peruntukan sebanyak RM600,000 untuk dihabiskan dalam pembinaan beberapa buah taman rekreasi, pilih **BEBERAPA** cadangan alternatif yang terbaik mengikut keutamaan. Berikan alasan anda atas pemilihan itu.

(5 markah)

(10 markah)

3. (a) Teori Pusat Setempat (central place theory) adalah antara teori yang terawal yang telah digunakan oleh jururancang dalam kajian tabiat membeli belah. Secara ringkas terangkan apakah rangkaskasar model (model framework) teori pusat setempat ini?

(15 markah)

- (b) Terdapat beberapa kaedah yang dapat digunakan untuk memilih jenis atau mod pengangkutan awam yang TERBAIK untuk menjalankan perkhidmatan di sesuatu kawasan. Antaranya ialah Kadar Pulangan Dalaman untuk mengira Nilai Kini Bersih (NKB), Peratus Pulangan Atas Keseluruhan Kos (PKK) dan Kadar Pulangan Pelaburan (KPP). Huraikan apakah kos-kos yang terlibat pengiraan tersebut?

(15 markah)

(30 markah)

4. Analisis Kesesuaian Tanah adalah merupakan suatu kaedah analisis perancangan yang menekankan faktor alam persekitaran dalam membuat sesuatu keputusan. Kaedah tersebut boleh dilaksanakan secara pendekatan 'kualitatif' atau 'kuantitatif'.

Bincangkan kedua-dua pendekatan tersebut secara terperinci.

(30 markah)

-ooo00ooo-

